



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2025



ISI KANDUNGAN



- MAJLIS PERASMIAN BORNEO FLORA FESTIVAL@LABUAN	3
- KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN REPUBLIC KYRGYZ	4
- MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH TAHUN 1447H	5
- KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR QATAR	6
- MAJLIS PELUNCURAN EDARAN JALUR GEMILANG KEPADAKAKITANGAN PPJ	7
- DATARAN PUTRAJAYA LOKASI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2025	8
- PROGRAM GOTONG ROYONG BEST @ WP PUTRAJYA 2025	9
- MAJLIS APRESIASI BORNEO FLORA FESTIVAL@LABUAN	10
- LARIAN MAPPA XX 2025	11
- MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-20	12
- MAJLIS PENUTUP BORNEO FLORA FESTIVAL@LABUAN	13
- PPJ TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI ANTARABANGSA & TEMPATAN SEMPENA SCEKL	14
- KARNIVAL PUTRAJAYA 2025	15
- PUTRAJAYA PARKS DAY 2025	16

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my
PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:

- www.ppj.gov.my
- [Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)
- [Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)
- [Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)
- [Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Majlis Perasmian Borneo Flora Festival @Labuan 2025 (BFF2025)



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah pada 26 Julai 2025 yang berlangsung di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Hadir sama memeriahkan majlis ialah YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (TKSUK JPM), YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah binti Mohd Sanusi, Isteri Tuan Yang di-Pertua Negeri Sarawak; YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan); YBhg. Puan Sri Maheran binti Jamil, Isteri kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN); YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan serta Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud.

Turut sama hadir ialah ketua-ketua setiausaha kementerian, ketua-ketua pengarah dari peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri, serta para delegasi dan pegawai yang memeriahkan majlis perasmian tersebut.

BFF2025 bertemakan "Flora Tropika Borneo" ini menampilkan spesies orkid yang jarang dijumpai, periuk kera terbesar di dunia serta tumbuhan eksotik yang berasal dari hutan hujan Borneo. Lebih 100 pempamer termasuk pengusaha tempatan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar, komuniti setempat dan pengusaha hotel menyertai festival itu. Festival turut diserikan dengan pelbagai aktiviti bertemakan flora, bengkel dan pertandingan yang melibatkan pengunjung daripada pelbagai peringkat umur.






Kunjungan Hormat Presiden Republic Kyrgyz ke Malaysia

Presiden Republik Kyrgyzstan H.E. Mr. Sadyr Zhasparov telah mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia dari 24 hingga 25 Jun 2025. Ini menandakan lawatan pertama Presiden Zhasparov ke Malaysia sejak memegang jawatan pada Januari 2021. Lawatan itu adalah untuk membalaaskan lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Republik Kyrgyzstan pada Mei 2024. Presiden Zhasparov turut membuat kunjungan hormat ke Perbadanan Putrajaya.

Presiden Zhasparov diberi sambutan rasmi di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya pada 25 Jun 2025, diikuti dengan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, di mana kedua-dua pemimpin membincangkan pengukuhan kerjasama dua hala, termasuk perdagangan dan pelaburan, tenaga boleh diperbaharui dan tenaga hijau, industri halal, agrokomititi, pelancongan, pendidikan, serta Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Kedua-dua Pemimpin turut menyaksikan pertukaran beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pelancongan, transformasi digital dan keselamatan siber, pendidikan tinggi, kesihatan, promosi perdagangan, kerjasama ekonomi serta kerjasama saintifik dan penyelidikan, dan Pertukaran Nota dalam bidang belia dan latihan untuk diplomat, serta Surat Niat kerjasama undang-undang.

Lawatan ini menekankan hubungan mesra antara Malaysia dan Republik Kyrgyzstan, yang diasaskan atas sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama erat sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1992.





Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H

Acara kemuncak Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/2025M berlangsung pada 27 Jun 2025 (Jumaat) bersamaan 1 Muharram 1447 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini dengan kehadiran lebih 8,000 tetamu tempatan serta antarabangsa.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah telah berangkat tiba pada 9.30 pagi bagi menyempurnakan sambutan tersebut.

Majlis ini turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri serta barisan Jemaah Menteri. Hadir sama perwakilan asing di Malaysia, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan, para pegawai kanan kontinjen yang mengambil bahagian serta orang awam. Tumpuan terarah kepada Titah Diraja oleh Sultan Ibrahim dan Seri Paduka Baginda turut menyempurnakan pengurniaan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan serta Antarabangsa. Antara pengisian lain ialah tausiyah (ceramah) khas hijrah yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Profesor Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim.

Tema sambutan kali ini iaitu 'Membangun Ummah MADANI' menyeru umat Islam supaya mengambil ibrah daripada peristiwa hijrah Rasulullah SAW

untuk membina masyarakat yang lebih bertamadun, inklusif dan seimbang daripada segi kerohanian serta fizikal. Tema sambutan ini menepati elemen keterangkuman dalam membina masyarakat bertamadun bukan sahaja daripada aspek fizikal malah melahirkan modal insan yang cemerlang daripada aspek kerohanianya.



Kunjungan Hormat Duta Besar Qatar ke Malaysia

Kunjungan Hormat H.E Salah Mohammed Al-Sorour, Duta Besar Qatar ke Malaysia, telah diadakan di Putrajaya. Beberapa kunjungan hormat telah diterima oleh pihak Malaysia dari Duta Besar Qatar, termasuk pertemuan dengan Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, dan Menteri Dalam Negeri. Tujuan kunjungan ini adalah untuk mempererat hubungan bilateral antara kedua negara, khususnya dalam bidang pertahanan, kesihatan, dan keselamatan.

Delegasi juga turut membuat Kunjungan Hormat ke Perbadanan Putrajaya (PPj) dan telah disambut oleh Presiden PPj, Dato'TPr. Fadlun bin Mak Ujud bersama pegawai - pegawai kanan PPj.



Majlis Peluncuran Jalur Gemilang Kepada Kakitangan PPj



Majlis Peluncuran Jalur Gemilang Peringkat Perbadanan Putrajaya (PPj) sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya dan disertai seluruh warga PPj.



Dataran Putrajaya Lokasi Sambutan Hari Kebangsaan 2025

Sambutan Hari Kebangsaan 2025 pada 31 Ogos 2025 telah diadakan di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya dengan tema 'Malaysia Madani, Rakyat Disantuni'.

Konsep 'Malaysia Madani' melibatkan prinsip yang seimbang antara pembangunan material dan rohani, merangkumi aspek kemajuan ekonomi, integriti pentadbiran dan perpaduan masyarakat.

Penekanan pada tema 'Rakyat Disantuni' pula menggambarkan keutamaan kerajaan dalam memastikan kebijakan rakyat diberikan perhatian utama.

Dalam memastikan kebijakan rakyat diberi perhatian, beberapa acara utama telah disusun untuk menyemarakkan semangat jiwa merdeka antaranya Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang yang telah diadakan pada 27 Julai 2025 di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 bermula secara rasmi dengan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Pelbagai persembahan serta perarakan menghiasi sambutan tahun ini membabitkan 14,010 peserta, 81 kontinjen, 21 kumpulan pancaragam, 437 aset darat dan udara serta 116 ekor haiwan dalam perkhidmatan dan tujuh kereta berhias.

Mereka mewakili pelbagai agensi kerajaan, pasukan keselamatan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sektor swasta.



Program Gotong-Royong BeST @ WP Putrajaya 2025



Program Gotong-Royong BeST @ WP Putrajaya 2025 adalah inisiatif untuk mempromosikan kebersihan dan menjadikan Wilayah Persekutuan Bersih di Setiap Tempat (BeST). Program ini telah berlangsung dengan jayanya pada 13 Julai 2025 di Pusat Komersial Presint 9, Putrajaya. Aktiviti ini bertujuan untuk membudayakan kebersihan di setiap tempat di WP Putrajaya.

Program Gotong-Royong BeST @ WP Putrajaya 2025 merupakan sebahagian daripada sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan selari dengan hasrat menjadikan Wilayah Persekutuan Bersih di Setiap Tempat (BeST). Program ini melibatkan aktiviti pembersihan di beberapa lokasi utama, termasuk Pusat Komersial Presint 9.

Program ini juga menekankan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan penduduk setempat dalam menjaga kebersihan dan keindahan kawasan sekitar. Program seumpama ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan dan alam sekitar.





Majlis Apresiasi Borneo Flora Festival@ Labuan 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato'TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya pada 7 Ogos 2025 bertempat di Dewan Seri Melati. Beliau turut menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada semua yang telah menyumbang dalam menjayakan festival tersebut.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang menjadi tunjang kepada kejayaan penganjuran Borneo Flora Festival@ Labuan 2025.





LARIAN MAPPA XX 2025

Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Institut Tadbiran Awam Negara dan Kelab Sukan dan Kebajikan INTAN (KESKI) INTAN telah merancang program Larian MAPPA XX 2025 Putrajaya. Program ini berlangsung di Dataran Putrajaya, Presint 3 pada 2 Ogos 2025.

Program ini bertujuan untuk melahirkan warga perkhidmatan awam serta masyarakat umum yang sihat dan cergas di samping memberi peluang kepada kementerian, jabatan, dan agensi kerajaan untuk uar-uarkan perkhidmatan kepada rakyat melalui pelbagai aktiviti yang bersesuaian.



MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-20

Jabatan Perkhidmatan Awam telah menganjurkan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 (MAPPA XX) pada 15 Ogos 2025 (Jumaat) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). MAPPA XX 2025 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Perdana Menteri telah menyempurnakan majlis ini dengan amanat berinspirasi, menggariskan tekad dan hala tuju bagi memperkuuh agenda reformasi perkhidmatan awam negara. Beliau juga turut mengumumkan :

- Penambahbaikan skim Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA)
- Memperkasa Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai pusat rujukan kecemerlangan perkhidmatan awam di rantau Asia dan global
- Inisiatif Program APEL.Q @ INTAN diteruskan untuk tahun 2026 dengan jumlah peruntukan RM1.5 juta
- Penambahbaikan kemudahan cuti Haji.

Majlis turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi kerajaan dan warga perkhidmatan awam dari seluruh negara. Majlis ini menjadi medan penyatuan semangat, iltizam dan komitmen demi Malaysia MADANI yang lebih sejahtera dan berdaya saing.

MAPPA yang diperkenalkan sejak tahun 2000 merupakan wadah bagi YAB Perdana Menteri untuk bertemu dan menyampaikan amanat kepada seluruh penjawat awam daripada pelbagai skim perkhidmatan di peringkat persekutuan, negeri, kerajaan tempatan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Selain itu, MAPPA XX 2025 turut menampilkan Reruai Kerajaan yang menawarkan perkhidmatan *direct touchpoints* dan *solution-based* untuk disampaikan terus kepada penjawat awam.





Majlis Penutup Borneo Flora Festival @Labuan 2025

Festival@Labuan2025(BFF2025) melabuhkan tirai dengan jayanya. Majlis penutupan BFF2025 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa.

BFF2025 melebihi sasaran pengunjung apabila menarik kehadiran 104,543 orang, berbanding 50,000 yang disasarkan. Festival lima hari ini bukan sahaja dihadiri penduduk tempatan, tetapi juga peminat tanaman dan pelancong dari seluruh Malaysia, Brunei, Kalimantan (Indonesia) serta Timor-Leste.

Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa berkata sambutan luar biasa itu mencerminkan Labuan sebagai hab ekopelancongan dan budaya di rantau ini. Sambutan diterima luar daripada jangkaan, sekali gus menunjukkan festival ini telah berkembang menjadi acara serantau yang mendapat perhatian antarabangsa.

Kehadiran pengunjung ke festival tersebut juga telah merancakkan perniagaan tempatan termasuk hotel, restoran, inap desa dan penyedia perkhidmatan pengangkutan. Festival ini memanfaatkan perniagaan tempatan lain seperti kedai cenderamata, penjual bunga, premis runcit dan peniaga kecil sepanjang lima hari acara berlangsung.

Penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan BFF2025 dengan jayanya.



PPj Terima Kunjungan Delegasi Antarabangsa & Tempatan Sempena SCEKL



Perbadanan Putrajaya telah menerima kunjungan delegasi antarabangsa dan tempatan sempena Smart City Technical Tour at Putrajaya, sebahagian daripada program Smart City Expo Kuala Lumpur (SCEKL) 2025 yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre dari 17 – 19 September 2025.

Delegasi dari Jepun, Filipina, Thailand, Indonesia, Laos dan Malaysia telah diberi taklimat mengenai inisiatif bandar pintar Putrajaya di Dewan Seri Siantan, diikuti lawatan ke Putrajaya Urban Observatory dan demonstrasi teknologi Autonomous Electric Bus @emoovit

Dengan jumlah peserta seramai 60 orang, lawatan ini memperkuuh kerjasama serantau dalam pembangunan bandar pintar yang inklusif dan mampan.



Karnival Putrajaya

2025

25-28

September 2025



Karnival Putrajaya 2025, Angkat Konsep Perkongsian Komuniti

Karnival Putrajaya 2025 kembali dengan wajah baharu dengan mengangkat konsep perkongsian bersama komuniti dari seluruh negara bukan hanya tertumpu kepada warga Putrajaya. Ia selari dengan tema pada tahun ini 'Dari Komuniti kepada Komuniti'.

Sebanyak 40 agensi kerajaan, swasta dan komuniti setempat mengambil bahagian dalam pameran Sejati MADANI yang mengeangkan pelbagai produk berdasarkan komoditi tempatan. Pameran Sejati MADANI ini menampilkan produk-produk komoditi Putrajaya seperti madu kelulut, kertas kitar semula, serta bahan berdasarkan minyak masak terpakai yang diproses menjadi sabun dan pewangi.

Terdapat juga laman komuniti yang menjadi lokasi pelbagai acara melibatkan penduduk setempat. Antaranya termasuk sukan rakyat seperti sepak raga bulatan, boling kelapa dan yang paling menarik, permainan dam ular gergasi.

Karnival yang berlangsung dari 25 hingga 28 September 2025 di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya ini merupakan kesinambungan

daripada Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2024.

Acara kemuncak karnival dimeriahkan dengan Kenduri Rakyat pada 27 September 2025 dengan penyediaan makanan untuk kira-kira 6,000 pengunjung. Antara jualah istimewa yang disajikan termasuk sup tulang, gulai kawah dan pelbagai masakan tradisional, sebagai simbolik kebersamaan komuniti Putrajaya bersama para tetamu.





Putrajaya Parks Day 2025

Bertemakan "Raikan Belia, Menginspirasikan Masa Depan", Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali lagi menganjurkan Putrajaya Parks Day 2025, yang berlangsung pada 27 dan 28 September 2025 di Taman Botani, Presint 1, Putrajaya.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, serta turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan Dato' Fadlun bin Mak Ujud, Presiden PPj.

Penganjuran kali ini merupakan edisi keempat sejak diperkenalkan pada 2019 di Taman Wetland, Taman Wawasan (2020) dan Taman Terdahulu. Dalam majlis yang sama, turut dilancarkan Laman Anggerik, tarikan terbaru yang menambah keindahan dan keunikan Taman Botani Putrajaya. Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail turut meluangkan masa lebih satu jam melawat Laman Anggerik, Laman Malaysia MADANI dan Laman Rusa.

Pemilihan tema acara bagi penganjuran kali ini menzahirkan komitmen PPj untuk menggalakkan penglibatan belia dalam membina masa depan lestari sejarah dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 3 dan SDG 11 iaitu Kesihatan Baik dan Kesejahteraan serta Bandar dan Komuniti Mampan.

Pengunjung juga boleh mencuba aktiviti lasak di Fit Fun Zon seperti zipline, tree climbing dan sling shot manakala Zootopia menawarkan pengalaman mesra keluarga bersama petting zoo oleh Farm in the City dan di Laman Rusa.

Suasana Putrajaya Parks Day turut dimeriahkan dengan kehadiran trak makanan, jualan pokok dan buah-buahan segar, pameran oleh Putrajaya Holdings serta pemeriksaan kesihatan percuma oleh Kementerian Kesihatan.

Selain itu, acara tersebut turut menjadi platform memperkuuh jaringan komuniti, mempromosikan bandar mesra alam dan memberi inspirasi kepada generasi muda agar lebih aktif dalam melindungi alam sekitar.

